

**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DAN SIKAP
DENGAN PENCAPAIAN SUBJEK REKA
BENTUK DAN TEKNOLOGI DALAM
KALANGAN MURID SEKOLAH
KEBANGSAAN DAERAH
HULU PERAK**

MOHAMMAD ZAFRI BIN ZAINAL ABIDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DAN SIKAP DENGAN PENCAPAIAN
SUBJEK REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI DALAM KALANGAN
MURID SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HULU PERAK**

MOHAMMAD ZHAFRI BIN ZAINAL ABIDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **11**(hari bulan) **NOVEMBER** (bulan) **2020**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MOHAMMAD ZHAFRI BIN ZAINAL ABIDDIN, M20152001734, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI)** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DAN SIKAP DENGAN PENCAPAIAN SUBJEK REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HULU PERAK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya




 Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. NURULHUDA BINTI MD HASSAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DAN SIKAP DENGAN PENCAPAIAN SUBJEK REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HULU PERAK** (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11 NOVEMBER 2020

Tarikh



 DR. NURULHUDA MD HASSAN
 Tandatangan Penyelia
 Department of Educational Studies
 Faculty of Human Development
 Sultan Idris Education University



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI DAN SIKAP DENGAN PENCAPAIAN
SUBJEK REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HULU PERAK

No. Matrik / *Matric's No.*: M20152001734

Saya / I: MOHAMMAD ZHAFRI BIN ZAINAL ABIDDIN

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below: -*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ *Signature*)



DR. NURULHUDA MD HASSAN
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Sultan Idris Education University
(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 11 NOVEMBER 2020

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan kertas projek yang bertajuk Hubungan antara Motivasi dan Sikap dengan Pencapaian Subjek Reka Bentuk dan Teknologi dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Daerah Hulu Perak bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Dr. Nurulhuda bt Md Hassan selaku pensyarah penyelia yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang amat bernilai sepanjang saya menyiapkan kertas projek ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang banyak mencurahkan ilmu, kemahiran serta pengalaman dalam membantu saya menyiapkan kertas projek ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Perak dan Pejabat Pendidikan Hulu Perak kerana telah membenarkan saya untuk menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada guru besar, rakan guru serta murid sekolah kebangsaan di daerah Hulu Perak yang terlibat. Juga buat mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses saya menjalankan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga saya rakamkan kepada kedua ibubapa saya yang tercinta Zainal Abiddin bin Saadan dan Rohani bt Yusoff serta adik beradik saya yang sentiasa mendoakan kejayaan, sokongan, dorongan dan memberi motivasi kepada saya sepanjang pengajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada bapa mertua, Jamaludin bt Zakaria dan ibu mertua, Zawiyah bt Ahmad atas doa dan sokongan yang diberikan. Akhir sekali penghargaan terima kasih yang tidak terhingga buat Isteri tercinta Nur Hasni bt Jamaludin yang banyak memberikan sokongan, dorongan dan semangat serta anak-anak Nurul Izzah, Nurul Iffah dan Nurul Iman yang telah banyak bersabar dan berkorban untuk bersama-sama mencapai kejayaan ini.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara motivasi dan sikap murid terhadap pencapaian subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dalam kalangan murid sekolah rendah. Teori Penentuan Kendiri, Teori Penentuan Matlamat dan Teori Keperluan Maslow dan Model Sikap ABC merupakan teori dan model yang dapat menyokong komponen-komponen dalam pemboleh ubah kajian ini. Seramai 200 orang murid tahun lima sekolah rendah dalam daerah Hulu Perak terlibat dalam kajian ini. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dan instrumen soal selidik digunakan bagi mengumpulkan data. Tiga orang pakar telah dilantik bagi mengesahkan instrumen kajian. Kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan setiap item boleh diterima dengan nilai Alpha Cronbach adalah sebanyak 0.87. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan Model Persamaan Berstruktur (SEM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid sekolah rendah mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap subjek RBT (Motivasi Intrinsik, $M= 3.97$, $SP= 0.42$ dan Motivasi Ekstrinsik $M=4.09$, $SP=0.46$) dan bersikap positif terhadap subjek RBT ($M= 4.05$, $SP= 0.32$) namun pencapaian subjek RBT adalah pada tahap sederhana ($M= 3.96$, $SP= 0.41$). Hasil analisis SEM mendapati bahawa terdapat pengaruh positif yang signifikan antara motivasi murid dengan sikap terhadap subjek RBT ($\beta= 0.36$, $p<0.01$). Kajian juga mendapati terdapat pengaruh negatif yang signifikan antara sikap terhadap subjek RBT dengan pencapaian subjek RBT ($\beta= -0.24$, $p<0.05$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa motivasi ekstrinsik murid dan sikap positif mempengaruhi pencapaian subjek RBT. Implikasi kajian ini mencadangkan agar guru perlu menitikberatkan motivasi murid dari sudut sosial, kepentingan kerjaya, pendidikan dan faktor luaran dalam membentuk sikap positif murid terhadap subjek RBT.



**RELATIONSHIP BETWEEN MOTIVATION AND ATTITUDE WITH
ACHIEVEMENT OF DESIGN AND TECHNOLOGY SUBJECT
AMONG HULU PERAK DISTRICT NATIONAL
PRIMARY SCHOOL STUDENTS**

ABSTRACT

This study was conducted to identify the relationship between motivation and attitude of primary school pupils towards the achievement of Design and Technology (D&T) subjects. Self-determination theory, goal determination theory, Maslow needs theory and ABC attitude model were used in this study to explain the variables that were measured. A total of 200 Year-Five pupils in the Hulu Perak district participated in this study. The study used a survey method with a set of questionnaires was constructed as an instrument to collect the data. Three experts have been appointed to verified the instrument. The reliability of the instrument was relatively high and each item was acceptable with a Cronbach's Alpha value of 0.87. The data were analyzed using descriptive and Structural Equation Modelling (SEM) technique. The finding showed that primary school pupils have a high motivation (Intrinsic Motivation, $M = 3.97$, $SP = 0.42$ and Extrinsic Motivation $M = 4.09$, $SP = 0.46$) and possessed positive attitude towards RBT subjects ($M = 4.05$, $SP = 0.32$) and the perceived achievement of D&T subject was moderate ($M = 3.96$, $SD = 0.41$). The result of SEM analysis found that there was a significant positive influence between student motivation and attitude towards D&T subjects ($\beta = 0.36$, $p < 0.01$). The study also found that there was a significant negative influence between attitudes towards D&T subjects and D&T subject achievement ($\beta = -0.24$, $p < 0.05$). In conclusion, this study showed that students' extrinsic motivation and positive attitudes have significant influence on the achievement of D&T subjects. In implication, study suggests that teachers need to emphasize student motivation in terms of social, career importance, education and external factors in forming a positive attitude of students towards D&T subjects.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Tujuan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	14
1.7 Hipotesis Kajian	15
1.8 Kerangka Konseptual	15

1.9	Kepentingan Kajian	18
1.10	Batasan Kajian	20
1.11	Definisi Operasional	21
1.11.1	Motivasi	21
1.11.2	Sikap	22
1.11.3	Pencapaian	22
1.11.4	RBT (Reka Bentuk dan Teknologi)	23
1.11.5	Murid	23
1.12	Kesimpulan	23

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 25

2.1	Pengenalan	25
2.2	Kerangka Teori	25
2.2.1	Teori Penentuan Kendiri (<i>Self-Determination Theory</i>)	25
2.2.2	Teori Penetapan Matlamat (<i>Goal Setting Theory</i>)	28
2.2.3	Teori Motivasi Abraham Maslow	31
2.2.4	Model Sikap ABC	33
2.3	Motivasi	36
2.4	Sikap	38
2.5	Kajian berkaitan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan Teknologi	43
2.6	Hubungan antara Motivasi, Sikap dan Pencapaian Akademik.	45
2.6.1	Kajian Hubungan Motivasi dan Sikap	45

2.6.2	Kajian Hubungan Motivasi dan Pencapaian Akademik	47
2.6.3	Kajian Hubungan Sikap Murid dengan Pencapaian Akademik.	50
2.7	Kesimpulan	52
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Rekabentuk Kajian	53
3.3	Populasi Kajian	54
3.4	Persampelan	55
3.5	Lokasi Kajian	58
3.6	Instrumen Kajian	58
3.6.1	Soal Selidik	58
3.6.2	Ujian RBT	63
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	64
3.8	Kajian Rintis	66
3.9	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	68
3.10	Teknik Analisis Data.	69
3.10.1	Teknik Analisis Deskriptif	69
3.10.2	Teknik Model Persamaan Berstruktur (SEM)	70
3.11	Kesimpulan	74
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	76
4.1	Pengenalan	76

4.2	Ciri- Ciri Demografi Peserta Kajian	77
4.3	Tahap Motivasi Murid Mempelajari Subjek RBT	78
4.4	Sikap Murid Sekolah Rendah Terhadap Subjek RBT	80
4.5	Pencapaian Subjek RBT Pelajar Sekolah Rendah.	82
4.6	Saling Hubungan antara Motivasi, Sikap dan Pencapaian Subjek RBT	84
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	91
5.1	Pengenalan	91
5.2	Ringkasan Kajian	91
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	94
5.3.1	Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Subjek RBT	94
5.3.2	Sikap Murid Sekolah Rendah Terhadap Subjek RBT	99
5.3.3	Pencapaian Subjek RBT Murid Sekolah Rendah	102
5.3.4	Saling Hubungan Motivasi, Sikap dan Pencapaian Subjek RBT dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	103
a.	Hubungan Motivasi dengan Sikap	104
b.	Hubungan Motivasi dengan Pencapaian RBT	106
c.	Hubungan Sikap dengan Pencapaian RBT	108
5.4	Implikasi Kajian	111
5.4.1	Murid	111
5.4.2	Ibu bapa	112
5.4.3	Guru	112
5.4.4	Kementerian Pendidikan Malaysia	113
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	113

5.6 Kesimpulan

114

RUJUKAN

115

LAMPIRAN

128

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Gred purata mata pelajaran (GPMP) PPT dan PAT subjek RBT tahun 5	7
3.1	Bilangan populasi sekolah kebangsaan (SK) di daerah Hulu Perak	55
3.2	Pemilihan sampel sekolah untuk tiga zon	56
3.3	Pemilihan sampel murid untuk tiga zon	57
3.4	Konstruk item- item motivasi intrinsik mempelajari subjek RBT.	60
3.5	Konstruk item- item motivasi ekstrinsik mempelajari subjek RBT	61
3.6	Konstruk item- item sikap positif terhadap subjek RBT.	62
3.7	Konstruk item- item sikap negatif terhadap subjek RBT.	63
3.8	Penggredan peperiksaan sekolah rendah Kementerian Pelajaran Malaysia.	64
3.9	Nilai Alpha Cronbach bagi komponen sikap dan motivasi terhadap pencapaian subjek RBT	67
3.10	Interpretasi skor min	70
3.11	Teknik analisis data	74
4.1	Maklumat demografi peserta kajian	78

4.2	Min dan sisihan piawai konstruk motivasi.	80
4.3	Min dan sisihan piawai konstruk sikap.	82
4.4	Min dan sisihan piawai pencapaian subjek RBT	83
4.5	Analisis hubungan komponen sikap, motivasi dan pencapaian RBT	87

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1.	Kerangka Konseptual	18
4.1.	Analisis saling hubungan motivasi, sikap dan pencapaian subjek RBT	85

SENARAI SINGKATAN

AMTB	<i>Attitude Motivation Test Battery</i>
AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
D&T	<i>Design and Technology</i>
EFL	<i>English for Foreign Language</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
IPK	Indeks Prestasi Akademik
KHSR	Kemahiran Hidup Sekolah Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
L2	<i>Second Language</i>
PAT	Peperiksaan Akhir Tahun
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPT	Peperiksaan Pertengahan Tahun

RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
RMK	Rancangan Malaysia Ke-
SDT	<i>Self Determination Theory</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SRA	Sekolah Rendah Agama
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TOSRA	<i>Test of Science related Attitude</i>
TVET	Institut Pengajian Tinggi Awam
UP1	Ujian Pengesanan Satu
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Soal Selidik
- B Surat Pengesahan Status Pelajar
- C Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- D Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- E Surat Pakar Rujuk



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Perubahan sistem pendidikan di Malaysia dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah seiring dengan perkembangan arus globalisasi. Semenjak dari dahulu, pelbagai perubahan telah berlaku dalam sistem TVET di Malaysia dalam memperkembangkan potensi individu. Perubahan ini berlaku berikutan cabaran globalisasi baharu ke atas TVET pada masa kini yang memerlukan suatu model yang lebih jelas dan berinovasi agar mampu mewujudkan modal insan yang berkualiti. Dalam usaha menghasilkan tenaga manusia yang memiliki minda kelas pertama, pelaksanaan TVET haruslah berkualiti dan dapat memenuhi tuntutan industri agar dapat menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negara (Siti Nor Atiqah Abdul Padzil, Rohana Hamzah & Amirmudin Udin, 2011).





Penggubal polisi, pentadbir dan pendidik dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional bersetuju di mana TVET memainkan peranan yang penting terhadap ekonomi dan pembangunan sosial negara (Idris, 2011). Melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh yang disampaikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Keenam, Datuk Seri Najib Razak, pembaharuan secara holistik perlu dilaksanakan bagi meletakkan negara pada landasan yang betul untuk terus berdaya saing, membangun dan keluar daripada belunggu status negara berpendapatan pertengahan. Oleh itu, TVET merupakan pemangkin bagi mewujudkan tenaga mahir yang mampu menempuhi cabaran ekonomi baharu serta meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi bagi mencapai status negara maju.

Melalui Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11), 2016-2020, rancangan kerajaan untuk mewujudkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai sikap positif untuk berdaya saing dalam ekonomi global diteruskan. Empat bidang yang akan diberi tumpuan iaitu dari sudut penambahbaikan kecekapan pasaran tenaga kerja bagi memajukan pertumbuhan ekonomi, mentransformasi TVET bagi melengkapi permintaan industri, memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran dan manaik taraf kualiti sistem pendidikan untuk meningkatkan kecemerlangan institusi dan kualiti pelajar.

Dalam usaha mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri, pihak kerajaan menyasarkan untuk mewujudkan pekerjaan yang memerlukan kemahiran berunsurkan TVET sebanyak 60%. Dengan ini, TVET adalah merupakan pemacu perubahan kepada negara dalam melahirkan modal insan berkemahiran.





Bidang fokus ini secara keseluruhannya akan dapat mewujudkan modal insan yang berkualiti dalam usaha untuk menjadi negara maju. (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2017).

Dalam usaha mentransformasikan TVET untuk memenuhi permintaan industri, pembaharuan terhadap sistem pendidikan telah dilaksana dengan memperbaharui kurikulum KBSR sedia ada. Subjek Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR) telah ditukarkan kepada subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Penambahbaikan kurikulum sedia ada ini adalah usaha yang selari dengan inspirasi kerajaan iaitu bagi mewujudkan modal insan kelas pertama pada masa hadapan.

RBT diajar kepada murid mengenai kriteria reka bentuk menggunakan teknologi dalam pembinaan dan pembuatan produk agar dapat melahirkan individu yang mempunyai pemikiran global serta memahami teknologi terkini yang mampu menyelesaikan masalah masa hadapan. RBT merupakan salah satu cabang dalam bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) dengan memberi penekanan kepada mereka bentuk dalam penghasilan produk berasaskan teknologi serta mampu melahirkan murid yang boleh berkarya dalam menghasilkan produk yang mudah dan bermakna.

Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) merupakan satu mata pelajaran yang diperkenal dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan diajar kepada murid tahun empat hingga tahun enam di sekolah rendah. Subjek ini memberikan tumpuan dalam menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang membolehkan mereka menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di peringkat menengah (KPM, 2013). Asas kurikulum RBT memberi tumpuan kepada





kemahiran mereka bentuk menggunakan teknologi dengan menggabung jalin pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran iaitu teknikal, teknologi pertanian dan sains rumah tangga. Kurikulum ini juga memberikan penekanan kepada aspek pengetahuan asas dan kemahiran mereka bentuk, asas pertukangan dan teknologi bagi membolehkan murid menghasilkan produk yang berkualiti.

Subjek RBT begitu penting dipelajari di sekolah. Ini kerana subjek ini selaras dengan Kurikulum Kebangsaan yang menitikberatkan kemahiran individu. Berdasarkan Peraturan- Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 menyatakan 'suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan'.

Selain itu, bidang-bidang dalam kurikulum RBT dilaksanakan melalui KSSR adalah untuk menepati hasrat pendidikan iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif melalui tunjang-tunjang komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, keterampilan diri, kemanusiaan dan kerohanian, sikap dan nilai. Murid-murid yang mengikuti KSSR akan mempunyai asas-asas seperti warganegara yang boleh berperanan di arena global (*Global Player*) dan pekerja berilmu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).





Pembelajaran subjek RBT dilaksanakan dengan menekankan pengetahuan, kemahiran dan langkah kerja dalam penghasilan sesuatu projek. Melalui subjek RBT, murid didedahkan kepada aspek mereka bentuk dan menggunakan bahan serta teknologi semasa menghasilkan projek. Terdapat lima bidang pembelajaran yang terkandung dalam kurikulum RBT iaitu organisasi dan keselamatan bengkel, asas teknologi, reka bentuk, penghasilan projek, teknologi pertanian dan sains rumah tangga (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat semenjak tahun 2011 telah disemak semula bertujuan untuk memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Semakan semula ini dilaksanakan bagi memastikan kualiti kurikulum yang sedia ada di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Melalui semakan semula ini, KSSR RBT dilaksanakan dengan memberi fokus kepada empat domain iaitu apresiasi reka bentuk, aplikasi teknologi, pembuatan produk dan penilaian reka bentuk produk. Melalui domain-domain ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti mereka bentuk dan menghasilkan produk yang bermakna (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu dan cabaran dalam melaksanakan TVET telah mempengaruhi pelaksanaan subjek RBT dan pencapaian murid dalam subjek tersebut. Terkesan dengan isu dan cabaran ini, wujud persepsi negatif pendidik terhadap subjek RBT yang membuatkan subjek ini





tidak dianggap penting berbanding subjek lain. Subjek ini sering diganti dengan subjek yang dirasakan sukar dan penting contohnya Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan sebagainya. Ini secara tidak langsung membuatkan pelajar melupakan subjek RBT atau dulu dikenali sebagai KHSR dan berasa sukar apabila mempelajari subjek ini di sekolah (Azizi Yahaya, 2007). Persepsi negatif masyarakat terhadap subjek kemahiran ini khususnya ibu bapa juga amat sukar untuk diubah (Suradin, Salehuddin, Mustafa, Abd. Razzaq, Madar & Hadi.,2010). Begitu juga kajian oleh Woon (2015) melalui kajian awal lapangan menunjukkan kebanyakan murid mempunyai sikap negatif terhadap subjek elektif. Sebenarnya, subjek ini merupakan subjek yang menarik kerana mengandungi aktiviti yang dapat mengasah kreativiti dan kemahiran pelajar. Ini bertepatan dengan kenyataan Benson dan Lunt (2011) bahawa subjek kemahiran adalah subjek kreatif yang dapat mengembangkan kebolehan kreativiti pelajar.



Strategi pengajaran yang sesuai dengan murid membolehkan mereka meneroka potensi dan keupayaan diri serta dapat meningkatkan pencapaian akademik. Pencapaian akademik merupakan penunjuk prestasi hasil daripada usaha, keberanian, atau kemahiran pelajar. Pencapaian dalam subjek RBT merupakan indikator bahawa sama ada individu dapat menguasai atau tidak ilmu yang terkandung dalam silibus tersebut. Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), pencapaian bermaksud apa yang telah dicapai atau prestasi. Pencapaian akademik pelajar lebih memfokuskan kepada gred yang diperoleh pelajar dalam sesuatu peperiksaan atau ujian. Menurut Manalu (2014), pencapaian pembelajaran adalah pengetahuan, kemahiran atau kelakuan tertentu yang diperoleh oleh pelajar selepas tempoh pembelajaran. Dengan mengukur pencapaian pembelajaran, pelajar dapat memberikan maklumat mengenai pengetahuan tertentu



(kognitif), kemahiran atau tingkah laku (afektif) yang diperoleh setelah pembelajaran selesai.

Pencapaian subjek RBT sekolah rendah diukur melalui penilaian sumatif iaitu ujian bulanan, peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Selain itu, laporan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pula digunakan untuk menilai tahap penguasaan pelajar mengikut topik-topik yang dipelajari dalam subjek RBT. Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) pencapaian pelajar dalam subjek RBT Tahun Lima dalam dari tiga buah sekolah di sekitar Daerah Hulu Perak dalam peperiksaan pertengahan tahun (PPT) dan peperiksaan akhir tahun (PAT) tahun 2016 adalah seperti dalam Jadual 1.1. Purata GPMP ketiga-tiga sekolah dalam PPT adalah sederhana iaitu 3.38 dan PAT adalah 2.63. Analisis menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian subjek RBT tahun lima namun masih berada dalam pencapaian sederhana. Pencapaian subjek RBT di sekolah-sekolah di daerah Hulu Perak yang sederhana mungkin disebabkan atas pelbagai faktor.

Jadual 1.1

Gred purata mata pelajaran (GPMP) PPT dan PAT subjek RBT tahun 5

Sekolah	Peperiksaan Pertengahan Tahun (GPMP)	Peperiksaan Akhir Tahun (GPMP)
SK Lenggong	3.16	2.08
SK Kerunai	3.81	3.15
SK Tan Sri Ghazali Jawi	3.16	2.67
Purata GPMP	3.38	2.63

Sumber: Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017.



Dalam membentuk asas dalam menguasai RBT pada peringkat sekolah rendah, proses pembelajaran di dalam bilik darjah sangat berperanan dalam membentuk kemahiran murid. Motivasi murid untuk belajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian (Choosri & Usa, 2011; Schunk, Pintrich & Meece, 2012; Al-Qahtani, 2013; Kwon, 2016). Tahap motivasi yang rendah dalam diri murid akan menyebabkan subjek RBT sukar dipelajari. Menurut Langan dan Zamri Mahamod (2011), kejayaan seseorang murid dalam akademik dipengaruhi oleh motivasi untuk belajar. Kenyataan ini disokong dengan kajian oleh Amraei, Elahi, Zalani & Parhoon (2011) yang mendapati faktor motivasi mempengaruhi pencapaian akademik dan murid memerlukan penyelarasan dan interaksi dalam tahap motivasi yang berbeza.

Menurut Kamus Bahasa Inggeris Oxford, motivasi ditakrifkan sebagai sebab di sebaliknya sesuatu tindakan atau tingkah laku individu. Aion Mohd (2003) menyatakan bahawa motivasi bermaksud mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Istilah *motivation* terbentuk dari dua perkataan iaitu *motive* dan *action*. Ini bermaksud motivasi merupakan suatu dorongan untuk melakukan sebarang tindakan bagi tujuan tertentu.

Motivasi juga merupakan suatu konsep digunakan untuk menjelaskan kegagalan atau kejayaan seorang murid dalam pembelajaran. Dornyei (1998) menyatakan bahawa motivasi adalah kunci pembelajaran kerana motivasi dapat mendorong sumber dalaman, keinginan, emosi, sebab, keperluan dan tujuan yang menggerakkan seseorang ke arah suatu tindakan. Sebagai seorang murid, motivasi amat penting sebagai suatu dorongan yang dapat meningkatkan pencapaian dalam pelajaran.





Motivasi akademik dapat mempengaruhi apa yang pelajari, tempoh pembelajaran dan gaya belajar (Schunk, Pintrich & Meece, 2012).

Seperti mana motivasi, sikap juga berperanan mempengaruhi pencapaian akademik murid (Fakeye, 2010; Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014; Sakariyau, Taiwo & Ajagbe, 2016; Geddes, 2016; Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017). Sikap berkaitan rapat dengan pencapaian individu dalam pembelajaran. Sikap ialah sesuatu yang tidak boleh dilihat namun dapat diketahui melalui tindakan yang diambil. Apabila murid memiliki sikap yang positif terhadap pembelajaran, maka dia akan berusaha menguasai pembelajaran tersebut melalui pelbagai cara (Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014).



Allport (1967) mendefinisikan sikap sebagai kecenderungan yang dimiliki oleh individu yang akan mempengaruhi setiap tindakannya. Sikap juga dapat menerangkan perasaan individu dan meliputi penilaian seseorang sama ada menggambarkan perasaan positif atau negatif. Murid terdorong untuk belajar dan mencapai sesuatu matlamat apabila mempunyai sikap positif (Rahmah Awang Sapie & Abdul Shukor Shaari, 2010).

Namun, sikap negatif murid akan menyebabkan subjek RBT sukar dipelajari. Menurut Suresh (2011), salah satu faktor yang mengakibatkan pelajar lemah dalam pembelajaran di sekolah adalah berpunca daripada ketiadaan sikap dan tingkah laku yang positif dalam proses pembelajaran di sekolah. Pengaruh sikap sangat memainkan peranan utama dalam membimbing seseorang murid untuk memperoleh matlamat yang





dicapai (Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017).

Oleh itu, motivasi dan sikap perlu wujud bersama-sama untuk mencapai satu pengalaman pembelajaran yang berjaya. Gardner (1985) percaya bahawa murid dengan sikap positif dan tahap motivasi yang tinggi akan lebih berjaya berbanding mereka yang mempunyai sikap negatif dan tidak mempunyai motivasi. Pencapaian akademik murid pada asasnya tidak hanya bersandar kepada proses pengajaran di dalam bilik darjah berlaku, malahan juga bersandar kepada bagaimana proses keperibadian individu itu terbentuk dan motivasi pembelajaran pelajar itu sendiri (Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya, 2012).



Rumusannya, murid yang kurang termotivasi tidak menunjukkan minat dalam

pembelajaran malah mereka tidak meletakkan sebarang matlamat yang ingin dicapai. Sebaliknya, murid yang bermotivasi tinggi mempunyai matlamat, keinginan, sentiasa berusaha, sikap yang positif dan keyakinan diri. Selain itu, murid yang termotivasi juga cenderung untuk mencapai matlamat dan mengelakkan kegagalan. Selain itu, murid yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang menunjukkan sikap yang positif berbanding pelajar lain. Mereka juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaannya. Justeru, bagi membantu murid mencapai prestasi yang diharapkan, guru harus memberi dorongan untuk membantu murid memiliki sikap yang positif dan tahap motivasi yang tinggi.



1.3 Pernyataan Masalah

Pencapaian yang sederhana dalam subjek RBT tidak boleh dipandang remeh oleh semua pihak. Hal ini kerana subjek ini menyediakan murid tentang asas kemahiran teknikal dan vokasional. Dalam usaha untuk mencapai status negara maju, kemahiran ini begitu penting kepada murid sebagai asas untuk menjadi tenaga mahir yang mampu menghadapi cabaran ekonomi baru, meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi. Pencapaian murid sekolah rendah dalam subjek RBT di daerah Hulu Perak masih belum sampai pada tahap yang cemerlang. Ini dibuktikan melalui Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), keputusan pencapaian peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun 2016 bagi subjek RBT tahun lima di sekolah-sekolah kebangsaan dalam daerah Hulu Perak yang menunjukkan tahap penguasaan murid masih sederhana. Penguasaan kemahiran dalam kalangan murid yang kurang memberansangkan berkait rapat dengan faktor motivasi dan sikap murid (Kara, 2009).

Berdasarkan dapatan-dapatan dari kajian lepas telah membuktikan bahawa pencapaian murid didapati dipengaruhi oleh motivasi murid (Choosri & Usa, 2011; Zawiyah Abdullah, 2015; Altasan, 2016; Kwon, 2016) dan sikap (Lilian, 2012; Zainol Abidin, Pour-Mohammadi & Alzwari, 2012; Tenaw, 2013; Genc, Kulusakli & Aydin, 2016). Dalam makna lain, motivasi dan sikap mempunyai hubungan langsung dengan pencapaian akademik. Di samping itu, kajian-kajian lepas turut mendapati bahawa motivasi mempunyai hubungan dengan sikap yang dimiliki oleh murid (Kamariah Abu Bakar, Rohani Ahmad Tarmizi, Rahil Mahyuddin & Habibah Elias, Wong & Ahmad Fauzi Mohd Ayub, 2010; Rifai, 2010; Jehdo, Chiramanee & Charumanee, 2011; Manalu, 2014; Bedel, 2015; Santikarn, 2015; Firdosfida & Ravindra, 2016).



Walau bagaimanapun, kajian lepas yang melibatkan motivasi, sikap dan pencapaian akademik dalam konteks di dalam negara amat kurang berbanding dalam konteks luar negara (Al Rifai, 2010; Choosri & Usa, 2010; Jehdo, Chiramanee & Charumanee, 2011; Thang, Ting & Nurjanah Jaafar, 2011; Al- Qahtani, 2013; Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus, 2014; Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014; Manalu, 2015; Kwon, 2016; Firdosfida & Ravindra, 2016; Dagneu, 2017). Kajian lepas juga lebih banyak memfokuskan lokasi dan peserta kajian daripada institusi pendidikan peringkat menengah (Hamidah Yusof & Norasibah Abdul Jalil, 2012; Kwon, 2014; Noor Erma Abu & Leong, 2014) dan tertier seperti di kolej dan di universiti (Kamariah Abu Bakar et al., 2010; Lilian, 2012; Genc et al., 2016). Dari segi bidang kajian pula, majoriti kajian lepas adalah mengkaji tentang bidang bahasa (Al Rifai, 2010; Jehdo et al., 2011; Sahin, 2016;) serta Sains dan Matematik (Tenaw, 2013; Noor Erma Abu & Leong, 2014; Ali, Iqbal & Akhtar, 2015; Yavuz & Cansiz, 2015). Dari sudut analisis data, kajian lepas telah menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) sebagai kaedah analisis data (Al Rifai, 2010; Jehdo, Chiramanee & Charumanee, 2011; Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya, 2012; Firdosfida & Ravindra, 2016; Khan, Sani & Abdullah, 2016; Sakariyau, Taiwo & Ajagbe, 2016; Yulastini, Dewi, Handayani & Petricka, 2017).

Hasil daripada tinjauan ini membawa kepada kajian yang dapat mengisi jurang yang ditinggalkan. Kajian ini akan dilakukan memfokuskan subjek RBT. Kajian ini juga berada dalam konteks kajian dalam negara dan melibatkan murid sekolah rendah yang mengambil subjek RBT di sekolah. Kajian ini akan dijalankan untuk mengenal pasti motivasi dan sikap murid terhadap subjek tersebut. Kajian ini juga akan mengenal pasti saling hubungan antara motivasi, sikap dan pencapaian subjek RBT sekolah



rendah. Dalam kajian ini, analisis-*analisis* deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti tahap motivasi dan jenis sikap murid serta pencapaian dalam subjek RBT. Analisis *Structural Equation Modelling* (SEM) digunakan untuk mengenal pasti saling hubungan antara motivasi, sikap dan pencapaian subjek RBT secara serentak dengan menggunakan perisian AMOS.

Dari segi responden kajian pula, kajian ini mengisi jurang kajian lepas dengan melibatkan murid sekolah rendah di daerah Hulu Perak. Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Borang soal selidik digunakan sebagai intsrumen bagi mengumpul data berkaitan motivasi dan sikap murid. Kajian ini diharapkan berupaya menjelaskan saling hubungan antara motivasi, sikap dan pencapaian subjek RBT murid sekolah rendah.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti saling tahap motivasi murid mempelajari subjek RBT dan jenis sikap murid terhadap subjek RBT dalam meningkatkan pencapaian subjek RBT murid sekolah rendah. Di samping juga, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap pencapaian subjek RBT murid sekolah rendah. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara motivasi, sikap dan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.5 Objektif Kajian

Objektif- objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap motivasi murid sekolah rendah terhadap subjek RBT.
2. Mengetahui jenis sikap murid sekolah rendah terhadap subjek RBT.
3. Mengetahui tahap pencapaian subjek RBT murid sekolah rendah.
4. Mengetahui saling hubungan antara motivasi, sikap dan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah.
 - a. Mengetahui saling hubungan antara motivasi dengan sikap murid sekolah terhadap subjek RBT.
 - b. Mengetahui saling hubungan antara motivasi dengan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah.
 - c. Mengetahui saling hubungan antara sikap dengan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.6 Persoalan Kajian

1. Adakah tahap motivasi murid sekolah rendah untuk mempelajari subjek RBT?
2. Adakah jenis sikap murid sekolah rendah terhadap subjek RBT?
3. Adakah tahap pencapaian subjek RBT murid sekolah rendah?
4. Adakah terdapat saling hubungan antara sikap motivasi, murid dan pencapaian subjek RBT dalam kalangan pelajar sekolah rendah?
 - a. Adakah terdapat hubungan antara motivasi dengan sikap murid dalam kalangan murid sekolah rendah?

- b. Adakah terdapat hubungan antara motivasi dengan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah?
- c. Adakah terdapat hubungan antara sikap murid dengan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah?

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat beberapa hipotesis kajian yang diuji dalam kajian ini. Hipotesis kajian tersebut adalah seperti berikut:

H1: Terdapat saling hubungan yang signifikan antara motivasi, sikap, dan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah.

H1(a): Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan sikap murid

dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

H1(c): Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah.

H1(b): Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid dengan pencapaian subjek RBT dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.8 Kerangka Konseptual

Tujuan kajian ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan objektif dan persoalan yang terdapat dalam kajian ini. Bahagian pertama ialah untuk mengenal pasti tahap motivasi dan jenis sikap murid yang berperanan dalam meningkatkan pencapaian subjek RBT murid sekolah rendah. Terdapat tiga pemboleh ubah utama yang terlibat di

dalam kajian. Pemboleh ubah yang pertama ialah berkaitan dengan motivasi murid dimana pemboleh ubah ini melibatkan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.


Motivasi intrinsik merujuk kepada keinginan untuk melakukan tindakan tanpa dorongan atau ganjaran luar (Bandura, 1977) dan motivasi ekstrinsik adalah keinginan pelajar mencapai kejayaan untuk mendapatkan ganjaran luar (Pittman & Boggiano, 1992). Tahap motivasi murid sekolah rendah di daerah Hulu Perak mempelajari subjek RBT diukur menggunakan instrumen sedia ada yang diperoleh daripada kajian Mariani Mohd Nor (2015). Antara elemen motivasi intrinsik yang diukur ialah elemen memperkembangkan potensi diri, faktor sosial dan kepuasan serta keseronokan mempelajari subjek RBT. Antara elemen motivasi ekstrinsik yang diukur pula ialah tentang faktor kerjaya, pendidikan dan luaran.

Pemboleh ubah kedua adalah berkaitan dengan sikap murid. Sikap murid terbahagi kepada dua jenis iaitu sikap positif murid dan sikap negatif murid seperti yang dinyatakan oleh (Gardner, 1985). Melalui kajian ini, sikap positif dan negatif terhadap subjek RBT diukur menggunakan instrumen sedia ada yang diperoleh daripada kajian Mariani Mohd Nor (2015). Antara elemen sikap positif yang diukur ialah aspek minat, keinginan, usaha dan kesedaran tentang kepentingan mempelajari subjek RBT. Elemen sikap negatif yang diukur ialah aspek kesukaran, persepsi, dan minat untuk mempelajari dan menguasai subjek RBT.

Pemboleh ubah seterusnya adalah pencapaian dalam subjek RBT sekolah kebangsaan. Antara kaedah penilaian pencapaian murid sekolah kebangsaan adalah seperti ujian bulanan, ujian penggal, ujian pertengahan tahun dan ujian akhir tahun.

Dalam kajian ini, pencapaian murid sekolah kebangsaan di daerah Hulu Perak dalam subjek RBT diukur melalui keputusan ujian penggal pertama, peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun.

Bahagian kedua tujuan kajian ini melibatkan objektif dan persoalan kajian berkaitan dengan hubungan antara pemboleh ubah motivasi, sikap dan pencapaian murid sekolah rendah dalam subjek RBT. Bagi mencapai tujuan ini, kajian ini dijalankan berdasarkan hubungan ketiga-tiga pemboleh ubah yang akan dibina berdasarkan tinjauan literatur. Terdapat beberapa jenis hubungan yang dikaji dalam kajian ini iaitu hubungan antara motivasi murid dan sikap murid terhadap subjek RBT, hubungan motivasi murid dengan pencapaian subjek RBT serta hubungan antara sikap murid dengan pencapaian subjek RBT. Data akan dianalisis menggunakan *Stastical Package for Sosial Science* (SPSS) dan model persamaan berstruktur (SEM). Rajah 2.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian.



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti saling hubungan antara pemboleh ubah motivasi, sikap murid dan pencapaian dalam subjek RBT. Perbezaan dari segi motivasi dan sikap murid akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam subjek RBT. Melalui kajian ini, diharapkan semua pihak dapat mengenal pasti perkara-perkara yang harus dititikberatkan agar murid dapat menguasai subjek kemahiran dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan masa hadapan.

Melalui dapatan kajian ini juga, pelbagai pihak seperti murid, ibu bapa, guru, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diharapkan dapat memanfaatkan maklumat-maklumat yang diperoleh. Kajian ini juga dapat

menyediakan maklumat yang penting kepada murid untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian subjek RBT mereka. Murid-murid dapat mengetahui tahap motivasi dan sikap yang mereka miliki. Oleh itu, mereka dapat membentuk keyakinan diri dan seterusnya memperbaiki pencapaian dalam subjek kemahiran ini.

Di samping itu juga, diharapkan kajian ini memberikan maklumat yang berguna kepada ibu bapa untuk melihat peranan mereka dalam meningkatkan pencapaian akademik murid. Ibu bapa juga memberi dorongan motivasi kepada murid untuk terus berusaha meningkatkan pencapaian mereka dan dapat mengetahui tentang sikap murid terhadap subjek kemahiran dan memberi sokongan. Melalui dapatan kajian, ibu bapa dapat mengetahui betapa pentingnya kemahiran kepada murid dan seterusnya mengatur langkah-langkah untuk meningkatkan semangat dan usaha pelajar dalam menguasai

Kajian ini diharapkan memberi manfaat kepada guru-guru kemahiran, khususnya guru yang mengajar di sekolah kebangsaan. Maklumat-maklumat yang diperoleh dapat dijadikan garis panduan kepada guru-guru untuk merancang dan menyediakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang sesuai dan efektif. Ini kerana cara atau gaya pengajaran guru menjadi peranan yang penting dalam memotivasikan murid dan mengubah sikap untuk berjaya dalam akademik atau kemahiran. Seterusnya kajian ini dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak sekolah terutamanya pentadbir. Kajian ini juga dapat dijadikan garis panduan kepada pentadbir sekolah dalam merancang dan mengatur program, aktiviti dan kemudahan ke arah meningkatkan pencapaian murid.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan memberi maklumat berguna kepada pihak teratas iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang faktor motivasi dan sikap murid terhadap pencapaian murid dalam subjek RBT. Pihak KPM dapat meneliti aspek-aspek yang kurang dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan para murid mempunyai motivasi diri dan dapat menunjukkan sikap yang positif untuk mencapai kejayaan dalam akademik mahupun kemahiran yang akhirnya mencapai matlamat pendidikan negara.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan kajian seperti berikut:

1. Kajian ini melibatkan jenis sekolah kebangsaan harian. Terdapat pelbagai jenis sekolah yang terlibat di peringkat rendah seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Rendah Agama (SRA). Justeru, dapatan kajian hanya boleh digeneralisasikan kepada sekolah kebangsaan harian di daerah Hulu Perak, Perak sahaja
2. Peserta kajian melibatkan murid tahun lima sekolah kebangsaan yang berumur 11 tahun pada tahun kajian dijalankan. Peringkat umur dalam pendidikan rendah adalah bermula dari Tahun Satu (7 tahun) hingga tahun enam (12 tahun). Oleh itu, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasi kepada semua peringkat umur selain tahun lima (11 tahun).

3. Sekolah yang dipilih untuk kajian ini adalah terbatas di dalam daerah Hulu Perak. Ini disebabkan oleh faktor kekangan kewangan dan masa. Oleh demikian, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasi untuk daerah selain daerah Hulu Perak.
4. Peserta kajian ini terhad kepada sekolah kebangsaan berstatus luar bandar. Terdapat perbezaan antara pelajar bandar dan luar bandar dari segi latar belakang sosioekonomi seperti pendapatan, pekerjaan dan tahap pelajaran ibu bapa. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasi kepada semua sekolah selain sekolah berstatus luar bandar.

1.11 Definisi Operasional

Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat diwakili oleh beberapa istilah. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut ialah motivasi, sikap dan pencapaian. Definisi bagi setiap pemboleh ubah dijelaskan dalam bahagian ini seperti berikut.

1.11.1 Motivasi

Ainon Mohd (2003) menyatakan bahawa istilah motivasi bermaksud mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada motivasi murid tahun lima sekolah rendah mempelajari subjek RBT. Motivasi murid ditentukan melalui skor yang diperolehi murid dalam item-item berkaitan motivasi dalam instrumen. Motivasi murid merujuk kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik merujuk kepada memperkembangkan potensi diri, faktor



sosial dan kepuasan serta keseronokan manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada kepentingan kerjaya, pendidikan dan faktor luaran.

1.11.2 Sikap

Allport (1967) mendefinisikan sikap sebagai kecenderungan yang dimiliki oleh individu yang seterusnya mempengaruhi tindakannya. Dalam kajian ini, sikap adalah merujuk kepada sikap murid tahun lima sekolah rendah terhadap subjek RBT. Sikap murid ditentukan melalui skor yang diperolehi pelajar dalam item-item berkaitan sikap dalam instrumen. Sikap murid yang dikaji ialah sikap positif dan negatif. Sikap positif merujuk kepada usaha untuk meningkat pencapaian RBT, minat untuk mempelajari RBT dan keinginan untuk mempelajari RBT. Sikap negatif merujuk kepada kesukaran mempelajari RBT, tanggapan mempelajari RBT tidak menyeronokkan dan tidak berminat untuk mempelajari dan meningkatkan pencapaian RBT.

1.11.3 Pencapaian

Menurut Manalu (2014), pencapaian pembelajaran adalah pengetahuan, kemahiran atau kelakuan tertentu yang diperolehi oleh murid selepas tempoh pembelajaran. Di dalam kajian ini, pencapaian merujuk kepada pencapaian murid dalam penilaian-penilaian RBT yang telah dijalankan ke atas mereka. Di samping itu, pencapaian merupakan skor yang diperolehi murid dalam tiga penilaian dijalankan iaitu ujian penggal pertama (UP1), peperiksaan pertengahan tahun (PPT) dan peperiksaan akhir tahun (PAT).





1.11.4 RBT (Reka Bentuk dan Teknologi)

Dalam kajian ini, RBT merujuk kepada subjek pelajaran kemahiran yang melibatkan murid tahun lima sekolah kebangsaan. RBT merupakan subjek elektif di sekolah-sekolah daerah Hulu Perak.

1.11.5 Murid

Menurut kamus Dewan edisi kedua, takrif murid ialah orang atau anak yang sedang belajar atau berguru. Dalam kajian ini, murid adalah merujuk murid tahun lima sekolah kebangsaan di daerah Hulu Perak.

1.12 Kesimpulan

Matlamat kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) adalah untuk menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas bagi membolehkan mereka menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di peringkat lebih tinggi. Melalui kurikulum RBT, asas kemahiran, pengaplikasian teknologi, asas keusahawanan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) difokuskan bagi memperkembangkan kreativiti murid. Kurikulum ini juga meliputi pelaksanaan kepelbagaian kemahiran selari dengan keperluan pendidikan dalam abad ke-21. Di sebalik matlamat yang difokuskan ini, didapati bahawa pencapaian murid dalam subjek RBT masih berada pada tahap sederhana. Kelemahan murid dalam menguasai kemahiran-kemahiran di dalam subjek ini berkait rapat dengan motivasi dan sikap murid terhadap tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti saling hubungan antara motivasi, sikap dan pencapaian subjek RBT. Perbezaan dari segi motivasi dan sikap murid akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam subjek RBT. Kajian ini



diharap dapat memberi manfaat kepada pihak yang terlibat dalam memainkan peranan untuk meningkatkan pencapaian murid sekaligus merealisasikan matlamat pendidikan negara.